

02 FEBRUARI 2018

## Lelaki panjat bumbung Myvi

KOSMO! JUMAAT 2 FEBRUARI 2018

NEGARA! 9

Polis sahkan suspek positif syabu selain mencuri sebuah kenderaan bersama rakan

## Lelaki panjat bumbung Myvi

**K**OTA KINABALU – Seorang lelaki yang memanjat bumbung sebuah Perodua Myvi di bulatan Jalan Pasir berdekatan Plaza Likas di sini disahkan berada di bawah pengaruh dadah.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner M. Chandra berkata, pemeriksaan ujian air kencing terhadap suspek yang berusia 36 tahun mendapati lelaki itu positif dadah jenis syabu.

Menurutnya, dalam kejadian pukul 5.30 petang pada 28 Januari lalu itu, suspek telah ditangkap oleh orang awam kerana mengganggu lalu lintas sebelum diserahkan kepada pihak polis.

"Pemeriksaan terhadap suspek mendapati dia berada di bawah pengaruh dadah ketika melakukan perbuatan memanjat bumbung kereta Perodua Myvi



GAMBAR yang menunjukkan seorang lelaki memanjat bumbung sebuah Perodua Myvi tular di Facebook beberapa hari lalu.

milik seorang wanita.

"Suspek juga telah mengganggu lalu lintas di kawasan berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Chandra memberitahu, suspek bukan sahaja kurang siuan, malah siasatan lanjut mendapati dia turut terlibat dengan kegiatan saman kenderaan di kawasan berdekatan.

Katanya, suspek juga mengaku mencuri sebuah kenderaan pacuan empat

roda Toyota Hilux di sekitar Karamunsing di sini pukul 10 pagi pada hari yang sama.

"Dia mendedahkan perbuatan itu dilakukan bersama rakkannya yang masih bebas," ujarnya.

Kejadian itu tular di Facebook apabila seorang lelaki memanjat bumbung Perodua Myvi milik seorang wanita namun tiada sebarang kecederaan dilaporkan.